| V            | 2013/2014    | SB2K, SB2M, SB2N, SB2P, SB2Q, SB2R, SB2T, SB2W, SB2Z, SB2X, SB2Y | 11            |
| VI           | 2014/2015    | SB2J, SB2ZZ  | 2             |
| VII          | 2015         | SB2ZX, SB2ZY   | 2             |
| Jumlah tapak |              |  | 49            |

Jadual 1.2: Tapak monumen dan tapak peleburan besi di Kompleks Sungai Batu

| <b>TAPAK</b> | <b>TEMUAN</b> | <b>FUNGSI</b>  | <b>RUJUKAN</b>                 |
|--------------|---------------|----------------|--------------------------------|
| SB1A         | Monumen       | Jeti           | <i>Zolkurnianet.al, 2011</i>   |
| SB1B         | Monumen       | Penyokong jeti | <i>Zolkurnianet.al/2011</i>    |
| SB1C         | Monumen       | Penyokong jeti | Siti NurulSiha, 2014           |
| SB1D         | Monumen       | Penyokong jeti | Siti NurulSiha, 2014           |
| SB1E         | Monumen       | Penyokong jeti | Siti NurulSiha, 2014           |
| SB1F         | Monumen       | Penyokong jeti | Siti NurulSiha, 2014           |
| SB1G         |               | Peleburan besi | <i>Faramasrinieet.al, 2011</i> |
| SB1H         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014         |
| SB1J         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014         |
| SB1K         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014         |
| SB1L         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014         |
| SB1M         | Monumen       | Penyokong jeti | ShamsulAnuar, 2015             |

Sambungan Jadual 1.2: Tapak monumen dan tapak peleburan besi di Kompleks Sungai Batu

| <b>TAPAK</b> | <b>TEMUAN</b> | <b>FUNGSI</b>  | <b>RUJUKAN</b>         |
|--------------|---------------|----------------|------------------------|
| SB1N         | Monumen       | Penyokong jeti | ShamsulAnuar, 2015     |
| SB1Y         | Monumen       | Jeti           | -                      |
| SB1ZY        |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2A         |               | Peleburan besi | NaizatulAkma, 2012     |
| SB2B         | Monumen       | Ritual         | IklilIzzati, 2014      |
| SB2D         | Monumen       | Jeti           | IklilIzzati, 2014      |
| SB2C         |               | Peleburan besi | NordianahMolinka, 2013 |
| SB2E         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB2F         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2H         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2J         | Monumen       | Jeti           | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB2K         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2M         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2N         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2P         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2Q         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2R         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2T         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2W         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2X         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2Y         |               | Peleburan besi | -                      |
| SB2Z         |               | Peleburan besi | -                      |

Tapak masih dalam kajian (-)

Pentarikan kronometrik yang digunakan di dalam kajian Kompleks Sungai Batu seperti dalam Jadual 1.3 telah melengkapkan untuk kronologi tamadun Lembah Bujang yang sebelum ini lebih kepada pentarikan relatif. Pentarikan mutlak Komplek Sungai Batu menunjukkan kawasan ini telah digunakan sejak kurun ke-5 sebelum Masihi hingga kurun ke 17 Masihi.

Jadual 1.3: Pentarikan bagi tapak-tapak di Kompleks Sungai Batu

| <b>TAPAK</b> | <b>PENTARIKHAN</b>           | <b>RUJUKAN</b>         |
|--------------|------------------------------|------------------------|
| SB1A         | Kurun ke-3 Masihi            | Zolkurnian, 2011       |
| SB1B         | Kurun ke-2 Masihi            | Zolkurnian, 2011       |
| SB1C         | Kurun ke-6-12 Masihi         | Siti NurulSiha, 2014   |
| SB1D         | Kurun ke-6-12 Masihi         | Siti NurulSiha, 2014   |
| SB1E         | Kurun ke-6-12 Masihi         | Siti NurulSiha, 2014   |
| SB1F         | Kurun ke-6-12 Masihi         | Siti NurulSiha, 2014   |
| SB1G         | Kurun ke-11-13 Masihi        | Faramasrinie, 2011     |
| SB1H         | Kurun pertama Sebelum Masihi | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB1J         | Kurun pertama Sebelum Masihi | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB1K         | Kurun pertama Sebelum Masihi | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB1L         | Kurun ke-10-15 Masihi        | Mohd Hasfarisham, 2014 |
| SB1M         | Kurun pertama Sebelum Masihi | ShamsulAnuar, 2015     |
| SB1N         | Kurun ke-2 Masihi            | ShamsulAnuar, 2015     |
| SB1Y         | -                            | -                      |
| SB1ZY        | -                            | -                      |
| SB2A         | Kurun pertama Masihi         | NaizatulAkma, 2012     |
| SB2B         | Kurun ke-5-7 Masihi          | IklilIzzati, 2014      |

Sambungan Jadual 1.3: Pentarikan bagi tapak-tapak di Kompleks Sungai Batu

| <b>TAPAK</b> | <b>PENTARIKHAN</b>           | <b>RUJUKAN</b>            |
|--------------|------------------------------|---------------------------|
| SB2A         | Kurun pertama Masihi         | NaizatulAkma, 2012        |
| SB2B         | Kurun ke-5-7 Masihi          | IklilIzzati, 2014         |
| SB2D         | Kurun ke-5-7 Masihi          | IklilIzzati, 2014         |
| SB2C         | Kurun ke-8-11 Masihi         | NordianahMolinka,<br>2013 |
| SB2E         | Kurun pertama Sebelum Masihi | Mohd Hasfarisham,<br>2014 |
| SB2F         | Kurun pertama sebelum Masihi | -                         |
| SB2H         | -                            | -                         |
| SB2K         | Kurun ke-5 Masihi            | -                         |
| SB2M         | Kurun ke-4 Masihi            | -                         |
| SB2N         | -                            | -                         |
| SB2P         | Kurun ke-5 Masihi            | -                         |
| SB2Q         | Kurun ke-6 Masihi            | -                         |
| SB2R         | Kurun ke-6-9 Masihi          | -                         |
| SB2T         | Kurun ke-5 Masihi            | -                         |
| SB2W         | -                            | -                         |
| SB2X         | -                            | -                         |
| SB2Y         | -                            | -                         |
| SB2Z         | -                            | -                         |
| SB2K         | -                            | -                         |

Masih dalam kajian (-)

### **1.3 ISU DAN MASALAH**

Selepas lima tahun (2009-2014) USM menjalankan kajian di Kompleks Sungai Batu oleh USM telah dapat melengkapkan lagi data tamadun Lembah Bujang seperti fungsi, pentarikhan dan rupa bentuk monumen. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan masalah seperti yang dibincangkan di bawah.

#### **1.3.1 Fungsi Tapak**

Kajian di Lembah Bujang sebelum 2009 telah menemui monumen candi Hindu-Buddha, inskripsi dan pelbagai artifak (Mohd Hasfarisham, 2014) . Sebanyak 56 direkodkan sebagai monumen dan 31 tapak bukan monumen (Allen, 1988). Hanya 16 tapak daripada 56 tapak monumen yang dapat ditentukan fungsinya (Mohd Hasfarisham, 2014). Ini menyebabkan fungsi tapak di Lembah Bujang adalah tidak lengkap. Begitu juga beberapa bukti yang hanya berdasarkan artifak tanpa ditemui monumen yang berkaitan yang menyebabkan ianya tidak jelas.

#### **1.3.2 Pentarikhan**

Hasil pentarikhan kronometrik di Kompleks Sungai Batu telah dapat memberikan gambaran jelas tentang tamadun Lembah Bujang yang sebelum ini hanya menggunakan pentarikhan relatif. Pentarikhan relatif di Lembah Bujang berdasarkan kebanyakannya kepada artifak seramik. Ini menyebabkan ianya tidak tepat dan tidak dapat digunakan untuk membina urutan kronologi yang konkrit dan holistik. Tapak di Kompleks Sungai Batu menggunakan pendekatan saintifik seperti *Optically Stimulated Luminescence (OSL)* dan kaedah radiokarbon dalam menentukan pentarikhan bagi sesebuah tapak kajian. Misalnya tapak SB1A, SB1C,



SB1D, SB1E, SB1F, SB2B dan SB2D (Zolkurnian, 2011; Siti Nurul Siha, 2014; Iklil Izzati, 2014).

### **1.3.3 Rupa bentuk Tapak**

Walaupun kajian sebelum ini telah menemui 56 tapak monumen namun hanya sebilangan sahaja yang mempunyai pelan rupa bentuk monumen. Ini menyebabkan gambaran rupa bentuk monumen Lembah Bujang adalah tidak lengkap. Kebanyakannya yang mempunyai pelan hanya mendedahkan bukti *vimana* dan *mandapa* dan rupa bentuk segi empat sama atau tepat. Maka, ianya tidak memberikan kepelbagaian rupa bentuk dan hal ini telah menyebabkan perkembangan rupa bentuk monumen di Lembah Bujang adalah tidak jelas.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian di peringkat sarjana di tapak SB1P, SB1, SB1W dan SB1X adalah untuk:

- a) Menentukan fungsi tapak berdasarkan jumpaan struktur di keempat-empat tapak kajian. Fungsi tapak akan dapat melengkapkan lagi bukti ketamadunan di Kompleks Sungai Batu.
- b) Menentukan pentarikhan tapak dengan menggunakan kaedah kronometrik. Pentarikhan adalah penting untuk melihat bilakah sesuatu bangunan dibina dan keberlangsungan aktiviti.
- c) Menentukan rupa bentuk monumen tapak dengan menjalankan analisis rupa bentuk monumen.

## **1.5 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian di tapak SB1P, SB1Q11, SB1W dan SB1X melibatkan survei, pembersihan kawasan dan penentuan titik datum, pemasangan tali grid dan pemetaan tapak, penamaan tapak dan petak, ekskavasi, analisis artifak dan analisis rupa bentuk monumen.

### **1.5.1 Survei Lapangan**

Survei dilakukan terlebih dahulu untuk memastikan sama ada kawasan yang bakal dikaji mempunyai potensi atau tidak untuk dijalankan sesuatu kajian dan mengenalpasti lokasi tapak secara tepat. Perkara paling utama ketika melakukan survei ialah melihat sama ada terdapat jumpaan permukaan kerana hanya jumpaan permukaan yang dijadikan rujukan (Hester, 1975). Selain itu, perlu merekod segala data serta mengambil sedikit sampel yang bersaiz kecil untuk dijadikan sebagai rujukan.

### **1.5.2 Pembersihan Kawasan dan Penentuan Titik Datum**

Setelah kawasan kajian dikenal pasti proses pembersihan akan dijalankan untuk melihat keadaan sebenar tapak. Titik datum perlu ditentukan kerana ia merupakan titik rujukan dan bersifat kekal serta tidak boleh diubah terutama ketika menjalankan ekskavasi (Mohd Hasfarisham, 2014).

### **1.5.3 Pemasangan Tali Grid dan Pemetaan Kontur Tapak**

Pemasangan tali grid berorientasikan arah utara dipasang 1 x 1 meter dan ia bertujuan untuk memudahkan proses ekskavasi dan data direkodkan jika terdapat jumpaan artifak di petak ekskavasi.

Pemetaan kontur dijalankan untuk melihat bentuk permukaan tapak kajian. Ia dijalankan sebelum ekskavasi dan selepas ekskavasi. Alatan yang digunakan ialah teodolit, *levelling staff* dan pita pengukur (Naizatul Akma, 2012).

#### **1.5.4 Penamaan Tapak dan Petak**

Penamaan tapak dan petak dilakukan sebelum proses ekskavasi dijalankan dan ia bertujuan untuk memudahkan data direkodkan. Penamaan tapak di Kompleks Sungai Batu menggunakan gabungan huruf dan angka (SB1P) dan penamaan petak pula (1A, 1B dan seterusnya).

#### **1.5.5 Ekskavasi**

Ekskavasi secara sistematik dijalankan bagi mendapatkan data lengkap mengenai kajian yang dijalankan. Proses ekskavasi ini dijalankan dengan kaedah spit bagi mengawal kedalaman. Ia menggunakan kaedah 0-10 cm adalah mewakili spit 1 dan begitulah seterusnya (Naizatul Akma, 2012). Penerangan yang lebih terperinci bagi proses ekskavasi akan dibincangkan dalam bab tiga.

#### **1.5.6 Analisis Artifak**

Analisis artifak melibatkan analisis fizikal yang berkaitan dengan pengukuran berat, panjang, lebar dan tebal artifak. Analisis ini penting untuk melihat secara purata taburan bata dan artifak lain serta ukuran tepat bahan yang digunakan dalam membuat sesuatu bangunan atau monumen.

### **1.5.7 Analisis Rupa Bentuk Monumen**

Analisis terhadap monumen juga dijalankan di tapak-tapak kajian iaitu SB1P, SB1Q, SB1W dan SB1X. Ini bertujuan untuk melihat gambaran sebenar rupa bentuk monumen pada zaman dahulu. Analisis rupa bentuk monumen dilakukan dengan berdasarkan bukti *in-situ* yang ada di tapak kajian. Walaupun tidak sepenuhnya monumen asal digambarkan, sekurang-kurangnya pengkaji dapat gambaran secara umum rupa bentuk dan material yang diguna pakai pada masa dahulu.

### **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian peringkat sarjana ini melibatkan tapak SB1P, SB1Q, SB1W dan SB1X dengan fokus kajian kepada menentukan fungsi, pentarikan kronometrik dan analisis rupa bentuk. Analisis artifak yang ditemui hanya akan melibatkan analisis kuantitatif tanpa analisis saintifik. Memandangkan tiada monumen Asia Tenggara yang seusia dengan Kompleks Sungai Batu maka perbincangan ini tidak melibatkan monumen di Asia Tenggara kecuali sedikit perbincangan diulas dalam bab lima.

### **1.7 RUMUSAN BAB**

Kajian arkeologi tapak SB1P, SB1Q, SB1W dan SB1X di Kompleks Sungai Batu melibatkan proses survei hingga kepada analisis rupa bentuk. Kajian ini lebih menumpukan terhadap rupa bentuk monumen yang ditemui di tapak. Rupa bentuk ini melibatkan jumpaan struktur seperti lantai, dinding dan struktur bumbung yang dibincangkan untuk melihat rupa bentuk dan bahan yang digunakan sama ada ia mempunyai persamaan atau tidak dengan tapak-tapak yang terdapat di Lembah Bujang. Selain itu, perbincangan akan mengupas tentang usia bangunan yang terdapat di Kompleks Sungai Batu dan candi-candi di Lembah Bujang. Bab 2 akan

membicarakan tentang monumen di Komplek Sungai Batu dan Lembah Bujang. Bab 3 mengungkap tentang laporan kerja lapangan di keempat-empat tapak. Perbincangan khusus kajian ini tentang analisis rupa bentuk tapak SB1P, SB1Q, SB1W dan SB1X akan dibicarakan dalam bab 4 dan akhirnya kesemua hasil kajian dipersembahkan dalam bab lima.

## **BAB 2**

### **TAPAK MONUMEN DI KOMPLEKS SUNGAI BATU DAN LEMBAH BUJANG**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan tentang tapak monumen yang telah dikaji di Kompleks Sungai Batu dan sekitar Lembah Bujang. Tujuannya adalah untuk melengkapkan sumbangan tapak kajian kepada keseluruhan Lembah Bujang khususnya daripada aspek rupa bentuk, iaitu fungsi, teknologi dan pentarikan. Kehadiran rupa bentuk monumen jelas menunjukkan kepentingan Kedah Tua dalam tamadun di kawasan ini secara khusus dan di rantau Asia Tenggara secara amnya.

#### **2.2 SEJARAH AWAL KEDAH TUA**

Terdapat pelbagai nama yang merujuk kepada Kedah Tua antaranya Queda yang merupakan nama terawal direkodkan oleh Tom Pires di dalam bukunya yang bertajuk “Suma Oriental” pada tahun 1513-1515 Masihi (Braddell, 1980). Kawasan ini disempadankan oleh Trang dan bahagian lain pada akhir kerajaan Melaka dan Beruas (Braddell, 1980). Selain itu, Kedah Tua juga digelar sebagai Cheh Cha oleh I-Ching (Wheatley, 1957; Nik Hassan Shuhaimi, 1984; Zuliskandar, 2012) dan ada juga yang menggelarkannya *Kataha* dalam bahasa sanskrit, *Kadaram* dan *Kidaram* dan *Kalagam* dalam bahasa Tamil dan dikenali juga sebagai *Kalah-Bar* dalam sumber Arab-Parsi (Lamb, 1960; Nik Hassan Shuhaimi, 1984; Allen, 1988). Selain itu, pada pemerintahan Dinasti Liang (502-665 Masihi) Kedah Tua juga dikenali

sebagai Langgasu atau Langga yang merujuk kepada Langkasuka (Jabil Mapjabil *et.al*, 2010).

Pembahagian kawasannya terletak antara Sungai Muda di selatan dan Sungai Sala di utara. Kedah Tua dikatakan wujud sejak kurun kedua Masihi berdasarkan sumber penulisan dan sastera India yang ditulis sejak kurun kedua Masihi lagi. Hal ini dapat dibuktikan dengan syair-syair Tamil dan kesusasteraan Sanskrit (Nasha *et.al*, 2008). Pada ketika itu Kedah Tua telah berfungsi sebagai pelabuhan yang sangat penting. Secara keseluruhannya, kajian terdahulu mencadangkan yang pelabuhan Kedah Tua wujud dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi, berdasarkan kepada penemuan arkeologi serta sumber-sumber bertulis yang telah dikaji (Nasha, 2011).

Menurut Braddell (1980) pula Kedah Tua merupakan pusat pemerintahan yang terdiri daripada orang Melayu dan ia telah lama wujud di Lembah Bujang bermula dari kurun ke-5 hingga ke-14 Masihi yang berpusat di Semenanjung Tanah Melayu iaitu di Kedah dan Pulau Pinang. Bukti arkeologi dan sejarah yang ditemui mencadangkan bahawa *Kataha* yang merujuk kepada Kedah Tua merupakan pusat penting pada kurun ke-7 hingga ke-8 Masihi (Nasha, 2011). Kedah Tua juga dijadikan sebagai tempat penempatan awal di utara Semenanjung Malaysia dan penempatan ini berkembang menjadi pusat perdagangan (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 1990). Ia dikatakan sebagai tempat yang mempunyai banyak kemudahan dan terletak di bahagian tengah selatan Kedah, melalui bahagian pantai baratdaya Semenanjung Malaysia.

Hasil kajian sejarah daripada 1840'an sehingga awal 1990'an telah merekodkan lebih 80 tapak di dalam keluasan melebihi 400 meter persegi (Allen, 1988). Kebanyakan temuan adalah bukti struktur binaan di samping artifak seperti bata, atap genting, manik dan lain-lain. Jadual 2.1 menunjukkan kajian yang pernah dijalankan di Lembah Bujang sejak dari 1840'an hingga 1990'an.

Jadual 2.1: Senarai pengkaji yang terdahulu di Lembah Bujang sejak tahun 1840an (Chia *et.al*, 2011)

| <b>PENKAKAJI</b>                             | <b>TAHUN KAJIAN</b> |
|--|---------------------|
| James Low (1848, 1849)                       | 1840an              |
| F W Irby (1905)                              | 1894                |
| I.H.N. Evans (1926)                          | 1920an              |
| H.G. Quaritch-Wales (1940)                   | 1930-1940           |
| K.G Tregonning (1960)                        | 1950-1960           |
| M. Sullivan (1958)                           |                     |
| Alastair Lamb (1960)                         | 1950-1960           |
| Peacock (1980)                               | 1960an              |
| Al-Rashid (Adi 1998)                         | 1970an              |
| Leong Sau Heng (1973)                        | 1970an              |
| Adi Taha (1998)                              | Sejak 1970an        |
| Nik Hassan Suhaimi Abdul Rahman (2008, 1984) | Sejak 1970an        |
| Jane Allen (1988)                            | 1980an              |
| Kamarudin Zakaria (1998)                     | 1990an              |
| Supian Sabtu (1998, 2002)                    |                     |



### 2.3. MONUMEN LEMBAH BUJANG

Peta 2.1 menunjukkan kesemua lokasi bukti monumen yang telah ditemui di Lembah Bujang. Monumen-monumen yang ditemui di Lembah Bujang secara keseluruhannya telah dirujuk sebagai candi. Istilah candi ini merujuk kepada kuil Hindu-Buddha (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008; Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2012; Zuliskandar, 2012). Ia berasal daripada salah satu nama dewa yang merupakan isteri kepada dewa Siva iaitu Durga (Mohd Supian, 2012; Zuliskandar, 2012). Lembah Bujang dijadikan sebagai pusat penyebaran kebudayaan dan ajaran awal keagamaan Hindu-Buddha dengan dengan bukti candi-candi Hindu-Buddha dan jumpaan arca yang berunsurkan keagamaan (Nik Hassan Shuhaimi, 1986). Tinggalan candi banyak dijumpai dikedua-dua belah tebing Sungai Bujang, anak sungai kepada Sungai Merbok dan kawasan lain iaitu di kawasan Matang Pasir, Tikam Batu dan Kuala Muda (Nik Hassan Nik Shuhaimi, 1980; Peacock, 1980).

Candi digunakan di Asia Tenggara sebagai tempat untuk memperingati raja yang dianggap mereka sebagai wakil tuhan yang ditugaskan untuk memerintah dunia. Ini dapat dilihat di Indonesia misalnya, bahagian *vimana* mereka meletakkan patung raja yang telah meninggal dengan meletakkan ciri-ciri kedewaan (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Terdapat dua pembahagian halaman untuk bahagian candi iaitu *vimana* dan *mandapa*. *Vimana* membawa maksud bahagian suci pada sesebuah struktur candi (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Ia digunakan untuk menjalankan upacara keagamaan dan meletakkan arca.



Peta 2.1: Kesemua lokasi bukti monumen yang telah di ditemui di Lembah Bujang  
(Sumber: Selepas Nasha, 2011)

*Mandapa* pula bahagian separuh suci dalam bangunan yang digunakan oleh penganut agama Hindu mempersiapkan diri sebelum memasuki bahagian *vimana* untuk menjalankan upacara keagamaan (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Sebanyak 50 buah tapak monumen yang telah dijumpai di Lembah Bujang dan

kebanyakannya sudah rosak akibat pertanian dan runtuh akibat berada di tepi tebing sungai.


Antara tapak yang telah berjaya dibina semula adalah Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8), Candi Pengkalan Bujang (Tapak 19/21 dan 22), Candi Sungai Batu (Tapak 5 dan Tapak 11/3), Candi Kampung Pendi (Tapak 16) dan Candi Bendang Dalam (Tapak 50). Manakala candi yang berjaya diekskavasi dan dibiarkan *in-situ* adalah Candi Batu Pahat (Tapak 17), Candi Pengkalan Bujang (Tapak 23), Candi Kampung Pengkalan Pasir (Tapak 31) dan Kampung Sungai Mas (Tapak 32,33) (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008).

#### **2.3.1 Candi Tapak 4** (Latitud: 100°25.924' T, longitud: 05°42.761' U, altitud: 41 meter di atas aras laut)

Candi tapak 4 terletak di tepi Sungai Bujang terdiri daripada struktur candi utama dan candi apit (Rajah 2.1) Tapak ini telah dijalankan kajian lanjut oleh Wales pada tahun 1937 (Wales, 1940). Candi ini berfungsi sebagai candi Siva berdasarkan jumpaan relief dewa Ganesha, Lingga dan arca Durga Mahisasura. Candi ini dilengkapi oleh tembok yang dibina daripada batu sungai. Tapak 4 merupakan sebuah kompleks yang terdiri daripada satu candi utama dan terdapat dua candi apit. Bahan binaan yang digunakan untuk membina candi apit adalah dengan menggunakan batu sungai sepenuhnya.

Struktur *vimana* pula dibina daripada blok laterit yang besar, bata dan juga batu sungai. Terdapat sebuah tapak tiang daripada granit di pintu masuk timur candi (Wales, 1940). Bahagian *mandapa* pula terdiri daripada ruang berbumbung yang disokong oleh tiang kayu. Secara keseluruhan, tapak 4 berorientasikan timur-barat

(Wales, 1940). Pentarikhan relatif bagi tapak ini adalah sekitar kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi. Jumpaan artifak seramik, kaca, arca Durga Mahisasura, Lingga dan sebagainya (Wales, 1940)



**PETUNJUK**

- A Tembok luar candi dibina daripada batu sungai
- B Struktur dasar candi apit yang dibina daripada batu sungai
- C Struktur dasar candi apit yang dibina daripada batu sungai
- D Candi utama yang dibina daripada bata, laterit dan batu sungai
- E Penyambung yang dibina daripada bata
- F Bahagian dasar daripada tanah liat


Rajah 2.1: Pelan tapak 4  
(Sumber: Selepas Quaritch-Wales, 1940)

**2.3.2 Candi Tapak 5** (Latitud: 100° 25.692' T, longitud: 5°42.427' U, altitud: 32 meter di atas aras laut)

Tapak ini diekskavasi oleh oleh Quaritch-Wales dan dibina semula pada tahun 1974 oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti. Candi ini terletak di estet Sungai Batu, di bahagian pinggir baratdaya Sungai Bujang. Ekskavasi yang telah dijalankan oleh Quaritch-Wales telah menemukan struktur tembok yang diperbuat daripada batu sungai yang diletakkan di sekeliling candi, namun tembok yang dinyatakan itu tidak ditemui (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008).

Candi ini terdiri daripada *vimana* yang berukuran 4.62 meter x 4.62 meter, berbentuk segi empat sama, manakala *mandapa* pula berukuran 3.20 meter x 6.15 meter, berbentuk segi empat tepat (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Didapati kedua-dua bahagian ini bersambung pada bahagian tengah. Struktur *vimana* diletakkan di atas batu sungai yang berukuran 61 cm memanjang (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Candi ini dikatakan berkemungkinan berfungsi sebagai tempat penyembahan Siva-Lingga, berdasarkan jumpaan snana-droni dan somasutra (Rajah 2.2).

Bahan binaan yang digunakan untuk membina candi ini adalah batu sungai, tanah liat dan pecahan batu laterit (Nik Hassan Shuhaimi *et.al*, 2008). Selain itu juga menggunakan kayu berdasarkan jumpaan tapak tiang. Pentarikan bagi tapak ini adalah sekitar kurun ke tujuh Masihi berdasarkan jumpaan seramik oleh Wales (1940). Artifak lain yang berasosiasi dengan candi ini antaranya seramik Zaman T'ang awal, paku besi dan batu pengasah (Wales, 1940).




PETUNJUK

- A Struktur mandapa candi dibina daripada laterit
- B Struktur vimana candi dibina daripada batu sungai
- C Snana-droni dibina daripada batu granit
- D Somasutra dibina daripada batu granit
- E Dinding candi dibina daripada batu sungai
- F Pelapik tiang dibina daripada batu granit
- G Struktur asas lantai yang dibina daripada kayu

Rajah 2.2: Pelan tapak 5  
(Sumber: Selepas Quaritch-Wales, 1940)

**2.3.3 Candi Tapak 6** (Latitud:  $100^{\circ}25.790'$  T, longitud:  $5^{\circ}42.449'$  U, altitud: 26 meter di atas aras laut)

Tapak 6 terletak di pinggir barat Sungai Bujang yang dijumpai oleh Wales pada tahun 1937-1938 (Wales, 1940) dan diteruskan kajian oleh Lamb pada tahun 1960 (Lamb, 1960). Candi ini terdiri daripada tembok dan tembok terdiri daripada dua bahagian (Rajah 2.3). Bahagian tembok candi dibina daripada batu sungai dan laterit, manakala bahagian *vimana* dibina daripada blok-blok laterit dan bata (Rajah 2.2). Wales (1940) mencadangkan pertarikan tapak ini adalah sekitar kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi.



PETUNJUK

- A Sungai Bujang
- B Struktur utama candi dibina daripada laterit dan bata
- C Tembok candi yang dibina daripada batu sungai
- E Ruang yang dibina daripada bata dan laterit

Rajah 2.3: Pelan tapak 6  
(Sumber: Selepas Quaritch-Wales, 1940)

### 2.3.4 Candi Tapak 8 (Latitud: $100^{\circ} 24.818' T$ , longitud: $5^{\circ} 44.346' U$ , altitud: 139 meter di atas aras laut)

Tapak ini terletak di kawasan hulu Sungai Batu Pahat, di sekitar kaki Gunung Jerai. Ia ditemui oleh Wales ketika menjalankan ekskavasi pada tahun 1937-1938 (Wales, 1940) dan diteruskan kajian oleh Lamb pada tahun 1960 (Lamb, 1960).

Kajian yang dijalankan oleh Lamb didapati lebih sistematik dan teratur. Candi ini terdiri daripada *vimana mandapa*, dan juga pelapik tiang (Rajah 2.4). Berdasarkan kajian lanjut oleh Lamb (1960) beliau telah menemukan enam buah relikuari di bawah *vimana* candi tersebut.